GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR (BELB) (BUTIRAN 01701, 01702, 01703, 01704)

1. Objektif

Memperluaskan liputan bekalan elektrik 24 jam ke kawasan luar bandar.

2. Latar Belakang

2.1 Menyediakan liputan bekalan elektrik 24 jam kepada kawasan perkampungan luar bandar terutama perkampungan tradisional dan rumah-rumah panjang. Ini termasuklah perkampungan di pulau, dan kawasan estet kecil yang luasnya di bawah 1,000 ekar.

2.2 Kampung-kampung yang layak:

a) Kampung atau kawasan yang sah taraf dan diiktiraf oleh Kerajaan Negeri; atau
b) Mempunyai pentadbiran Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK); atau
c) Di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); atau
d) adalah kampung yang sah taraf dan mempunyai pentadbiran MPKK serta berada di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

3. Kriteria Pemilihan Projek

3.1 Senarai keutamaan perlaksanaan projek diperolehi daripada Kerajaan Negeri:

a) Unit Perancang Ekonomi (UPEN) bagi Semenanjung.

b) Kementerian Utiliti Sarawak bagi Sarawak.

c) Unit Perancang Ekonomi (UPEN) bagi Sabah.

3.2 BELB Talian Grid

3.2.1 Keutamaan diberi kepada kampung-kampung yang mempunyai bilangan rumah yang banyak, terdapat rumah baru serta mempunyai kemudahan awam atau bangunan komuniti seperti rumah ibadat dan dewan orang ramai;

3.2.2 Senarai akhir kampung bagi sesuatu projek akan dimuktamadkan melalui satu Jawatankuasa Memuktamadkan Senarai Kampung (JMSK) sebagai lampiran (Rujuk Garis Panduan JMSK di Lampiran A1);

3.2.3 Kos purata sebuah rumah hendaklah tidak melebihi RM80,000.00 bagi Semenanjung Malaysia dan RM100,000.00 bagi Sabah dan Sarawak. Jika melebihi kos purata itu, pertimbangan secara berasingan oleh Pegawai Pengawal akan dibuat berdasarkan bilangan penduduk.

3.2.4 Bagi rumah di peringkat pembinaan, pemilik rumah perlu melengkapkan dokumen-dokumen berikut:

a. Bagi tujuan permohonan:

i) Pemilik perlu mengemukakan perakuan pemilik rumah berserta salinan geran. **(Rujuk Lampiran 1)**

ii) Sekiranya rumah bukan di atas tanah milik pemohon, pemohon perlu mengemukakan borang perakuan menggunakan tanah milik. **(Rujuk Lampiran 2)**

b. Bagi tujuan pelaksanaan:

iii) Rumah hendaklah sesuai untuk didiami, dengan status siap binaan rumah hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 70% sebelum *Certificate of Practical Completion* (CPC) projek BELB tersebut dikeluarkan.

iv) 70% siap binaan merangkumi perkara-perkara berikut:

- *Super structure* (termasuk bumbung)
- *Sub structure*
- Dinding
- Pendawaian dalaman

3.3 BELB Alternatif

3.3.1 Sistem Hibrid (Solar/ Hidro Kecil)

a. Kawasan-kawasan pedalaman yang terpencil serta tidak ekonomik untuk disambung menggunakan talian grid;

b. Tiada perancangan sistem talian grid dalam tempoh 10-15 tahun akan datang;

c. Keadaan rumah mestilah sesuai dan selamat untuk dipasang pendawaian dalaman;

d. Keutamaan akan diberikan kepada kampung yang mempunyai bilangan minimum 20 buah rumah, dalam keadaan berkelompok dan terdapat kemudahan awam lain;

e. Peningkatan sistem dan kualiti bekalan kepada 24-jam.

3.3.2 Sistem Alternatif Kecil *Stand Alone*

a. Kawasan-kawasan pedalaman yang terpencil serta tidak ekonomik untuk disambung menggunakan talian grid;

b. Tiada perancangan sistem talian grid dalam tempoh 10-15 tahun akan datang;

c. Keadaan rumah mestilah sesuai dan selamat untuk dipasang pendawaian dalaman;

d. Peningkatan sistem dan kualiti bekalan kepada 24-jam.

3.4 Projek BELB *Late Applicant*

3.4.1 Penyambungan bekalan elektrik kepada rumah-rumah tertinggal ini hanya melibatkan kerja-kerja pemasangan tiang dan kabel tanpa melibatkan kerja-kerja pembinaan infrastruktur voltan tinggi. Memandangkan kerja-kerja ini termasuk di dalam skop perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pihak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN) ianya lebih ekonomi sekiranya penyambungan bekalan dilakukan sendiri oleh pihak PBEN dengan dibiayai oleh Kementerian.

3.4.2 Pihak PBEN perlu membuat survei awalan dan mengemukakan kepada Kementerian melalui Kerajaan Negeri senarai pemohon serta cadangan kos berpandukan jadual kadar harga yang digunapakai dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

3.4.3 Tempoh pelaksanaan tersebut juga adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan bagi pelaksanaan projek BELB seperti perancangan oleh Kerajaan Negeri;

3.4.4 PBEN dilantik sebagai kontraktor pelaksana projek dan tempoh perjanjian yang dicadangkan adalah selama 5 tahun sekali;

3.4.5 Kaedah bayaran yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada kerja sebenar yang telah dilaksanakan;

3.4.6 PBEN perlu mengemukakan permohonan pelaksanaan projek dengan kos dan bilangan rumah yang terlibat sebelum kerja-kerja di tapak dapat dilaksanakan kepada Kementerian melalui Kerajaan Negeri;

3.4.7 Permohonan tersebut akan disemak oleh Bahagian Teknikal, KPLB untuk kelulusan pelaksanaan;

3.4.8 Pembayaran akan dibuat setelah kerja-kerja di tapak selesai dilaksanakan;

3.4.9 PBEN perlu mengemukakan dokumen pembayaran secara rasmi kepada Kementerian untuk tujuan pembayaran projek yang dilaksanakan;

3.4.10 Skop pelaksanaan dan garis panduan pelaksanaan projek dikemaskini berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa Dasar (JKD) KPLB Bil. 8 Tahun 2017.

4. Kaedah Pelaksanaan dan Perolehan Kontrak

4.1 Proses pelaksanaan Projek BELB melibatkan lima (5) fasa iaitu:

a. Fasa Perancangan

i. KPLB mengeluarkan surat pemakluman kepada pihak Kerajaan Negeri berhubung perancangan projek BELB.

ii. KPLB menerima senarai keutamaan daripada Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN).

b. Fasa Permohonan

i. KPLB mengemukakan permohonan projek dan peruntukan kepada EPU.

ii. EPU memperakukan senarai projek dan peruntukan kepada MOF.

iii. KPLB menerima senarai projek daripada EPU dan menerima peruntukan yang diluluskan.

c. Fasa Pelaksanaan

i. Membuat pelantikan perunding jika perlu.

ii. Menentukan kaedah perolehan yang bersesuaian bagi pelaksanaan projek.

iii. Proses perolehan.

iv. Tawaran projek kepada syarikat yang berjaya semasa mesyuarat pra pembinaan berserta dokumen-dokumen berikut:

a) Surat Setuju Terima (SST)

b) Dokumen kontrak – *Condition of Contract* (COC)

- Ringkasan *bill of quantity* (BQ)
- Insurans – *cover note*
- Bon Pelaksanaan
- Tarikh mula projek dan kos kontrak

d. Fasa Pemantauan dan Kawalan

i. Pemantauan berkala pelaksanaan projek oleh Agensi Pelaksanaan (KPLB) dan PBEN dengan menerima laporan bulanan & mengadakan mesyuarat prestasi secara bulanan.

ii. Menerima tuntutan dan membuat bayaran interim.

iii. Menganalisa laporan prestasi dan mengambil tindakan penambahbaikan/pembetulan bagi isu-isu berbangkit.

iv. Membentangkan projek-projek lewat kepada pihak pengurusan untuk tindakan lanjut.

e. Fasa Penyerahan Projek

i. Pengesahan projek oleh Agensi Pelaksana.

ii. Penyerahan projek.

iii. Tempoh tanggungan kecacatan.

iv. Penyerahan dokumen dan projek kepada PBEN.

v. Penutupan akaun.

4.2 Auditan pelaksanaan projek oleh Audit Dalam KPLB @ Jabatan Audit Negara.

4.3 Semua projek-projek BELB dilaksanakan secara reka dan bina mengikut kontrak piawai Jabatan Kerja Raya – *"Standard Form of Design and Built Contract, PWD FORM DB (Rev 2010)"* atau tatacara pemakaian terkini melalui tender terbuka, tender terhad atau rundingan terus.

4.4 Proses perlaksanaan adalah seperti di carta aliran di **Lampiran 3**.

5. Kaedah Pembiayaan

5.1 Kos projek dibiayai menggunakan peruntukan pembangunan Kementerian.

6. Skop Projek

6.1 Talian Pembahagian

6.1.1 Pembinaan talian pembahagian 33kV, 11kV, 0.415kV dan 0.240kV.

6.1.2 Pembinaan Pencawang Elektrik (PE) dan pembinaan Pencawang Pengagihan Utama (PPU).

6.1.3 Penyambungan talian perkhidmatan.

6.1.4 Peningkatan sistem dan kualiti bekalan.

6.2 Talian Penghantaran

6.2.1 Pembinaan talian penghantaran sehingga 275kV.

6.2.2 Pembinaan Pencawang Masuk Utama (PMU) serta lain-lain keperluan berkaitan.

6.3 Solar Hibrid

6.3.1 Kerja-kerja membekal, memasang, menguji, dan mentauliah stesen-stesen solar hibrid bagi membekal elektrik meliputi komponen berikut:

a. Sistem Solar
b. Sistem Bateri Simpanan
c. Inverter, Sistem Kawalan Hibrid dan Pemantauan.

d. Set Janakuasa Diesel dan sistem pembekalan bahan api.
e. Kerja-kerja yang melibatkan struktur dan bangunan lengkap dengan pepasangan mekanikal dan elektrik
f. Talian pembahagian voltan rendah dan voltan tinggi
g. Pencawang elektrik (PE)
h. Pendawaian dan pemasangan peralatan asas elektrik di dalam rumah (3 lampu dan 2 soket).
i. Lampu Jalan Kampung (LJK)

6.4 Mikro Hidro Hibrid

6.4.1 Kerja-kerja membekal, memasang, menguji, dan mentauliah stesen-stesen solar hibrid bagi membekal elektrik meliputi komponan berikut:

a. Sistem Hidro
b. Sistem Bateri Simpanan
c. Inverter, Sistem Kawalan Hibrid dan Pemantauan.
d. Set Janakuasa Diesel dan sistem pembekalan bahan api.
e. Kerja-kerja yang melibatkan struktur dan bangunan lengkap dengan pepasangan mekanikal dan elektrik.
f. Talian pembahagian voltan rendah dan voltan tinggi.
g. Pencawang elektrik (PE)
h. Pendawaian dan pemasangan peralatan asas elektrik di dalam rumah (3 lampu dan 2 soket).
i. Lampu Jalan Kampung (LJK)

6.5 Sistem Alternatif Kecil *Stand Alone*

6.5.1 Skop program ini meliputi bekalan ke rumah-rumah kediaman, dewan serbaguna dan rumah ibadat dengan menggunakan samada teknologi Solar atau Hidro;

a. Rumah-rumah kediaman

i. Pendawaian dalaman rumah termasuk 4 soket punca kuasa dan 5 lampu per rumah.

ii. 3 hari autonomi bagi bateri bagi sistem solar.

iii. Direka bentuk dengan menghadkan setiap isi rumah menggunakan kapasiti sebanyak 700 - 1000 Watt dan maksimum penggunaan tenaga sebanyak 2000 Watt-jam/ hari.

b. Dewan serbaguna dan Rumah ibadat

i. Satu kotak Kawalan.

ii. Satu *inverter.*

iii. Pendawaian dalam rumah.

iv. Peralatan elektrik yang mencukupi untuk kefungsian bangunan.

6.5.2 Semua keperluan dan reka bentuk konsep hendaklah mendapat persetujuan Kementerian.

6.6 Late Applicant

6.6.1 Penyambungan talian bekalan voltan rendah ke kampung-kampung dan rumah-rumah termasuk pemasangan talian servis, *steel bracket*, *mains wiring*, dan pemasangan meter;

6.6.2 Pembinaan atau naik taraf stesen pencawang sekiranya melibatkan penyambungan bekalan elektrik dari talian sedia ada;

6.6.3 Pendawaian elektrik dalam rumah adalah di luar skop.

7. Penyerahan Projek

7.1 Semua BELB yang telah siap dipasang akan diserahkan kepada Pihak berkuasa Elektrik Negeri (PBEN) iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung Malaysia, Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) di Sabah dan Sarawak Energy Berhad (SEB) di Sarawak untuk dioperasi dan disenggara secara berterusan.

7.2 Penyerahan projek dibuat setelah kontraktor mendapat (CPC). Sesi penyerahan dibuat dalam dua fasa:

(a) Fasa 1 – Di antara kontraktor dengan Kerajaan.

(b) Fasa 2 – Di antara Kerajaan dengan PBEN.

8. Operasi dan Penyenggaraan

8.1 Kos operasi dan penyenggaraan bagi projek-projek talian grid adalah di bawah tanggungjawab pihak PBEN selepas penyerahan Fasa 2 (rujuk Perkara 7.2). Kutipan hasil melalui bayaran bil adalah milik pihak PBEN sepenuhnya.

8.2 Manakala bagi kos operasi dan penyenggaran bagi projek-projek alternatif pihak Kerajaan akan menanggung kos operasi dan penyenggaraan berdasarkan formula kos penjanaan ditolak dengan hasil terimaan PBEN. Ini adalah

berdasarkan keputusan Jemaah Menteri melalui mesyuarat bertarikh 13 Julai 2011.

9. Penutup

9.1 Adalah diharapkan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar ini dapat membantu agensi-agensi berkaitan mempercepat dan memperkemaskan lagi pelaksanaan projek ini. Jika terdapat sebarang kemusykilan mengenai isi kandungan garis panduan ini, tuan/puan bolehlah berhubung dengan Pegawai Bahagian ini iaitu Puan Maryani Tasmiran (03-8891 2280), Puan Suhana Jamil (03-8891 2262), Puan Noor Fadzilah Abdul Rahman (03-8891 2264), dan Encik Zamri Asyraf Zainol (03-8891 2257), atau no. fax 03-8888 2337.

BAHAGIAN PRASARANA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
PUTRAJAYA
Mac 2019

LAMPIRAN A1

JAWATANKUASA MEMUKTAMADKAN SENARAI KAMPUNG (JMSK)

1. Objektif

Diwujudkan bagi memuktamadkan senarai kampung bagi sesuatu projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sebelum projek tersebut dilaksanakan.

2. Latar Belakang

2.1. Jawatankuasa Memuktamadkan Senarai Kampung (JMSK) diwujudkan bagi menyemak dan memuktamadkan senarai kampung bagi sesuatu projek BELB sama ada sebelum projek tersebut ditender atau sebelum kerja-kerja dimulakan jika projek tersebut dilakasanakan secara rundingan terus.

2.2. Fungsi JMSK adalah bagi memastikan kampung-kampung yang disenaraikan memenuhi kriteria yang ditetapkan bagi pelaksanaan BELB seperti mana yang ditetapkan di dalam garis panduan dan bagi mengurangkan risiko kelewatan pelaksanaan projek.

2.3. Bagi projek yang dilaksanakan melalui proses tender, perunding akan dilantik bagi melaksanakan kajian fizikal projek dan membantu dalam penyediaan dokumen tender. Berdasarkan *Term of Reference (ToR)* pelantikan perunding, terdapat dua (2) peringkat bagi memuktamadkan senarai kampung iaitu:-

i. Perunding perlu membentangkan **laporan kajian awal** dalam tempoh sebulan daripada tarikh lantikan.

Pembentangan ini adalah bagi mengesahkan senarai kampung yang perlu diperhalusi sebelum dimuktamadkan bagi pelaksanaan projek (peringkat tender). Ahli adalah terdiri daripada Bahagian Prasarana, Bahagian Teknikal, Wakil Kerajaan Negeri dan Wakil Pihak Berkuasa Elektrik Negeri.

ii. Berdasarkan keputusan daripada laporan kajian awal, perunding akan menyediakan maklumat terperinci bagi kampung-kampung yang telah disenarai pendek dan dibentangkan sebagai **laporan akhir** kepada JMSK dalam tempoh tiga (3) bulan daripada pembentangan laporan kajian awal. Ahli adalah terdiri daripada Bahagian Prasarana, Bahagian Teknikal, Wakil Kerajaan Negeri dan Wakil Pihak Berkuasa Elektrik Negeri.

2.4. Bagi projek yang dilaksanakan secara rundingan terus, mesyuarat akan diadakan selepas rundingan harga/SST dikeluarkan. Ahli adalah terdiri daripada Bahagian Prasarana, Bahagian Teknikal, Wakil Kerajaan Negeri dan Wakil Pihak Berkuasa Elektrik Negeri. **Rujuk Lampiran 2.**

3. Kriteria Pemilihan Kampung/Kawasan

Kriteria pemilihan kampung/kawasan adalah berdasarkan Garis Panduan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar.

4. Output Yang Dihasilkan

4.1. <u>Laporan Kajian Awal (Tender)</u>

Perunding perlu menyediakan laporan mengikut zon/kawasan yang telah ditetapkan berdasarkan maklumat

yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Negeri yang mengandungi perkara-perkara berikut:-

a. Data asas pengguna iaitu nama kampung, daerah, parlimen dan DUN;
b. Bilangan rumah telah menerima bekalan elektrik dan belum menerima bekalan elektrik;
c. Status kampung (setinggan/tanah perhutanan/ladang dan sebagainya); dan
d. Kaedah, sumber dan konfigurasi sistem pembekalan tenaga elektrik.

4.2. Laporan Akhir (Tender/Rundingan Terus)

Perunding/Kontraktor perlu menyediakan laporan mengikut zon/kawasan yang telah ditetapkan berdasarkan keputusan laporan awal (tender) atau maklumat yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Negeri (rundingan terus) yang mengandungi perkara-perkara berikut:-

a. Tender
    i. Koordinat GPS lokasi setiap rumah yang dipersetujui semasa Laporan Awalan;
    ii. Gambar hadapan dan sisi setiap rumah tersebut; dan
    iii. Kesesuaian sistem pembekalan.
b. Rundingan Terus
    i. Seperti para 4.1.a – 4.1.d;
    ii. Koordinat GPS lokasi setiap rumah yang dipersetujui semasa Laporan Awalan;
    iii. Gambar hadapan dan sisi setiap rumah tersebut; dan
    iv. Kesesuaian sistem pembekalan.

5. Ahli Mesyuarat

5.1. Pembentangan Awal (Tender)

a. Pengerusi : Wakil Bahagian Prasarana

b. Ahli : Wakil Bahagian Teknikal
Unit Pembangunan Ekonomi Negeri
(UPEN) / Kementerian Utiliti Sarawak
Pihak Berkuasa Elektrik Negeri

5.2. Pembentangan Akhir (Tender/Rundingan Terus)

a. Pengerusi : Wakil Bahagian Prasarana

b. Ahli : Wakil Bahagian Teknikal
Unit Pembangunan Ekonomi Negeri
(UPEN) / Kementerian Utiliti Sarawak
Pihak Berkuasa Elektrik Negeri
Pejabat Daerah
Jabatan Kerja Raya Daerah
Jabatan Perhutanan

Bil :

Tarikh :

LAMPIRAN 1

Ketua Jurutera (BELB)
Bahagian Projek Utama,
Tingkat 6, Wisma SESB,
Jalan Tunku Abdul Rahman,
88673 KOTA KINABALU.

PROJEK BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR (BELB) SAMBUNGAN TALIAN GRID NEGERI SABAH TAHUN 2016-2017 SECARA RUNDINGAN TERUS (REKA DAN BINA) ZON 2.
(TAWAU, SEMPORNA, LAHAD DATU & KUNAK).

- SURAT AKUAN PENGESAHAN STATUS RUMAH PEMOHON

Saya ..... **No. Kad. Pengenalan ..... beralamat di Kampung..... dengan ini mengesahkan bahawa status *rumah/ pondok/ sulap, No. bilangan ..... (Dalam Pelan Lukisan) adalah **RUMAH KEDIAMAN** milik saya dan termasuk di dalam permohonan bekalan elektrik luar bandar.

Keadaan Fizikal premis ini adalah sebagaimana saya sertakan pada LAMPIRAN A.

Sekian.

_____

Nama Pemilik :

Tarikh :

Pengesahan Ketua Kampung (K.K) / Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (PJKKK)

Dengan ini saya mengesahkan dan menyokong penuh penama di atas adalah pemilik sebenar seperti yang dinyatakan.

_____

Tandatangan K.K / PJKKK

Nama :

Tarikh :

Cop Rasmi :

Nota:
*Potong mana yang tidak berkenaan
*Salinan Kad Pengenalan Pemilik Rumah.

LAMPIRAN A

GAMBAR BANGUNAN / PONDOK / SULAP

Nama Pemilik :

No. Kad pengenalan :

A. GAMBAR PANDANGAN HADAPAN

B. GAMBAR PANDANGAN SISI

LAMPIRAN 2

BORANG KEBENARAN MENGGUNAKAN TANAH MILIK
BAGI MELAKSANAKAN PROJEK BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KEBENARAN INI telah diberikan pada ..... haribulan.....

tahun ..... oleh.....
(*nama pemilik tanah)

No. K/P: ..... (selepas ini disebut "Pemilik") sebagai satu pihak kepada.....
(nama pemohon yang mengguna tanah)

No. K/P: ..... (selepas ini disebut "Pemohon") sebagai pihak yang satu lagi melibatkan tanah Lot ..... Tempat ..... Mukim ..... Daerah..... Negeri ..... (selepas ini disebut "Tanah").

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti berikut:

1. Pemilik dengan ini memberi kebenaran kepada Agensi atau Badan atau Persatuan atau Jawatankuasa yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan untuk kerja pembekalan elektrik di bawah Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di atas Tanah tersebut **(sesalinan Geran Tanah disertakan)**.

2. Pemilik dengan ini memberi kebenaran kepada Pemohon untuk menduduki rumah setelah siap kerja pembekalan elektrik di atas Tanah tersebut untuk tempoh sekurang-kurangnya ..... **tahun.**

3. Kebenaran dan persefahaman ini adalah berkekalan sepanjang tempoh seperti tertulis di atas dan tidak boleh dibatalkan tanpa persetujuan kedua-dua pihak.

**Sekiranya pemilik tanah melebihi seorang, silakan gunakan helaian tambahan dengan tandatangan serta persetujuan pemilik bersama.*

4. Pemilik berharap waris, penerima pusaka, pentadbir dan wasi Pemilik juga perlu menghormati kebenaran ini.

PADA MENYAKSIKAN KEBENARAN INI DIBERIKAN pihak-pihak terlibat telah menurunkan tandatangan mereka masing-masing pada hari, bulan dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani oleh Pemilik :

.....) (tandatangan)

No. K/P: .....)

Pada ..... hari bulan ..... tahun .....)

Ditandatangani oleh Pemohon :

.....) (tandatangan)

No. K/P: .....)

Pada ..... hari bulan ..... tahun .....)

dan disaksikan oleh:

.....) (tandatangan)

Nama Saksi: .....)

Jawatan: .....)
(cop rasmi)

No. K/P: .....)


Pada ..... hari bulan ..... tahun .....)

Nota :
1. *Geran pemilikan tanah bersama hendaklah mendapatkan persetujuan semua pemilik.*
2. *Saksi – Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah Daerah/Diwakilkan kuasa secara bertulis oleh Pegawai Daerah/Pentadbir Tanah.*

Carta Aliran Kerja

PROSEDUR PERANCANGAN PELAKSANAAN PROJEK

CARTA ALIRAN
PROSES KERJA DAN TANGGUNGJAWAB




PROSEDUR PERANCANGAN PELAKSANAAN PROJEK

CARTA ALIRAN
PROSES KERJA PERANCANGAN PROJEK




PROSEDUR PERANCANGAN PELAKSANAAN PROJEK


CARTA ALIRAN
PROSES KERJA PERANCANGAN PROJEK



CARTA ALIRAN PROSES PELANTIKAN PERUNDING




PELAWAAN DOKUMEN TENDER / SEBUTHARGA SECARA KONVENSIONAL



Carta Aliran Kerja

PROSES KERJA PEROLEHAN SECARA PRA-KELAYAKAN



Input
Maklumat projek dan Nilai Kerja

Tentukan kriteria pra-kelayakan **(BT)**

Kelulusan kriteria pra-kelayakan **(BHG. BERKENAAN)**

Sediakan dokumen pra –kelayakan dan notis iklan pelawaan **(BT/PER)**

Menjual dokumen pra-kelayakan dan penerimaan dokumen pra-kelayakan **(BT/PER)**

Penilaian pra-kelayakan dan menyenaraikan kontraktor yang layak **(JPK)**


Kelulusan senarai pretender yang layak **(LPA)**


Output
Senarai pendek kontraktor yang layak

Carta Aliran Kerja

PROSES KERJA TENDER TERBUKA (REKA & BINA)

PROSES KERJA TENDER TERBUKA (REKA & BINA) KURANG 50 JUTA






Sediakan laporan Rundingan Harga
Dan Dapatkan Kelulusan K.Kew/LPA
(BHG. BERKENAAN/PEROLEHAN)

Pengesahan Semula Peruntukan
Jika Perlu
(BHG. BERKENAAN)


Sediakan SST
(PEROLEHAN)

OUTPUT
SST

PROSES ALIRAN PEMBINAAN
(Pentadbiran Kontrak)




PROSES ALIRAN PEMBINAAN
(Tempoh Tanggungan Kecacatan - DLP)




PROSEDUR PERANCANGAN PELAKSANAAN PROJEK

CARTA ALIRAN
PROSES KERJA PEMBINAAN DAN PENYELIAAN TAPAK BINA (REKA DAN BINA)



CARTA ALIRAN

PROSES KERJA PENYEDIAAN BAYARAN PENDAHULUAN



Input

Terima SST yang telah

Di tandatangan

Terima dan Semak Permohonan

Dari Kontraktor

(PD/WPD/QS)

Sediakan Perakuan

Bayaran Pendahuluan

(PD/WPD)

Kelulusan Perakuan

Bayaran Pendahuluan

(PD/WPD)

Penyediaan Baucer

Bayaran

(Kew/Akaun)

Output

Bayaran Pendahuluan

CARTA ALIRAN

PROSES KERJA PENYEDIAAN BAYARAN INTERIM



Input

SST/Dokumen Kontrak

Yang Telah Di tandatangan

Penilaian Kemajuan

Kerja Termasuk Bahan

Dan Barang Ditapak

(PD/WPD/PP/WPP)

Penyediaan Perakuan

Bayaran Interim Termasuk

Potongan Bayaran Pendahuluan,

Perubahan Kerja dan

Pelarasan Harga

(PD/WPD/PP/WPP)

Kelulusan Perakuan

Bayaran Interim

(PD/WPD/PP/WPP/QS)

Penyediaan

Baucer Bayaran


(Kew./Akaun)

Output

Bayaran Interim

CARTA ALIRAN

PROSES KERJA PENYEDIAAN PERAKUAN AKAUN MUKTAMAD



Input
Dokumen Kontrak, Bayaran Interim, PHK, APK, Tuntutan, Kos Penyiapan Kontrak, Perakuan Siap Kerja, Perakuan Kerja Tidak Siap, Kelulusan Pengecualian LAD/ Perbendaharaan/ Jaminan Rekabentuk

Sediakan
Perakuan Muktamad
(PD/WPD/PP/WPP/QS)

Hantar Perakuan kepada
Kontraktor Untuk Tandatangan
(PD/WPD/PP/WPP/QS)

Kelulusan Perakuan
(PD/PP)

Edarkan Perakuan Kepada
Pihak yang Berkenaan
(PD/WPD/PP/WPP/QS)

Output
Bayaran Akhir kepada Kontraktor/ Tuntutan Daripada Kerajaan